

29 JAN, 2021

CIDB perlu pantau tapak binaan tangani penularan COVID-19

Berita Harian, Malaysia



CIDB perlu pantau tapak binaan tangani penularan COVID-19

Putrajaya: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) perlu melakukan pemantauan lebih menyeluruh di tapak pembinaan dalam usaha menangani penularan COVID-19 di penempatan pekerja binaan.

Presiden Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia (PKBM), Datuk Azman Yusoff, berkata penempatan pekerja di tapak binaan dikenal pasti antara punca utama penularan wabak itu.

Selain itu, beliau mengusulkan pihak bertanggungjawab membantu mengurangkan kos Kit Ujian Rapid Antigen (RTK-Ag) dan mengasingkan pekerja yang positif COVID-19.

Katanya, CIDB wajar memberi subsidi kepada pihak kontraktor bagi mengurangkan kos ujian saringan pekerja.

"Kami juga memohon bayaran levi kepada CIDB bagi projek baharu dikurangkan 50 peratus, manakala penempatan pekerja wajar disediakan dalam pelan jangka panjang bagi industri pembinaan negara," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau merujuk kepada arahan Kementerian Kerja Raya supaya CIDB menangani segera isu penempatan pekerja tapak pembinaan, yang dikenal pasti sebagai antara punca utama penularan pandemik berkenaan.

Menterinya, Datuk Seri Fadillah Yusof sebelum ini dilaporkan berkata, kementerian memandang serius dapatan Kementerian Kesihatan (KKM) bahawa kebanyakan penularan jangkitan COVID-19 berlaku di penempatan pekerja yang sesak, kotor dan tidak sempurna, terutama di Kuala Lumpur dan Selangor selain ketidakpatuhan prosedur operasi standard (SOP).

Azman turut menyuarakan keluhan PKBM membabitkan

isu pemegang konsesi di seluruh negara yang dilihat seolah-olah ingin menghapuskan kontraktor kecil Bumiputera.

"Sesetengah bidang kerja yang diluluskan kerajaan baru-baru ini hanya dimonopoli syarikat yang dikatakan mempunyai kepakaran dalam bidang berkenaan," katanya.



Azman Yusoff